

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**

**TARIKH : 19.10.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** menyatakan jumlah pelajar yang dibuang daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana disabit kesalahan moral daripada tahun 2010 hingga September 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa memandang berat terhadap isu-isu moral di kalangan pelajar universiti. Pelbagai langkah pencegahan telah dilaksanakan bagi membendung isu moral seperti pemantauan dan penguatkuasaan peraturan disiplin pelajar secara kolektif di semua pusat tanggungjawab, fakulti dan kolej kediaman secara berterusan.

Untuk makluman, jumlah pelajar yang dibuang daripada universiti awam kerana disabit kesalahan moral daripada tahun 2010 hingga September 2015 adalah sebanyak 55 kes sahaja.